



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 DECEMBER 2016

Mahathir cemburu kejayaan Najib

Um - 28/12/2016

KOTA BHARU 27 Dis. - Tuduhan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai rasuah terbesar membuktikan sikap cemburu Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu atas kejayaan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Presiden Institusi Pemikiran Anak Muda Kelantan (Impak), **Wan Khairul Ihsan Wan Muhammad** berkata, ini kerana dalam keadaan ekonomi mencabar hari ini, Najib masih mampu mengekalkan program tersebut yang bertujuan membantu me-ringankan beban rakyat.

Dalam masa sama, beliau menegaskan, kenyataan Dr. Mahathir itu juga secara tidak langsung telah menggores hati rakyat di negara ini yang kebanyakannya menerima bantuan berkenaan.

"Kenyataan Dr. Mahathir itu jelas membuktikan sikap cemburu beliau atas kejayaan Najib yang tidak pernah sempat dilakukan pada era pemerintahannya.

"Pada zaman pemerintahan Dr. Mahathir, beliau tidak mampu menyalurkan bantuan terus kepada rakyat meskipun ekonomi pada masa itu berada dalam keadaan baik," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Kelantan, **Datuk**



**WAN KHAIRUL IHSAN
WAN MUHAMMAD**



**MOHD. FARED
ABDUL GHANI**



**MOHD. ZAIDAN
ABDUL RAHIM**

Seri Dr. Mohd. Fared Abdul Ghani berkata, rakyat sangat menyukai program BR1M yang dilaksanakan kerajaan sejak tahun 2012 itu.

Katanya, selama ini belum ada Perdana Menteri termasuk Dr. Mahathir sendiri pernah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan seumpama itu kepada rakyat.

"Jika Dr. Mahathir mengatakan pemberian BR1M itu adalah rasuah, saya nasihatkan penyokong partinya atau pembangkang lain tidak menerima bantuan tersebut.

"Kerajaan melakukan sebaik mungkin bagi membantu me-ringankan kos sara hidup rakyat. Dr. Mahathir sepatutnya tidak boleh mengeluarkan kenyataan begitu," katanya.

Presiden Angkatan Generasi Muda Kelantan (Agenda), **Mohd. Zaidan Abdul Rahim** pula berkata, bekas Perdana Menteri itu



Jika Dr. Mahathir mengatakan pemberian BR1M itu adalah rasuah, saya nasihatkan penyokong partinya atau pembangkang lain tidak menerima bantuan tersebut."

MOHD. FARED ABDUL GHANI
Ketua Aktivis PPIM Kelantan

tidak sepatutnya menjadikan isu pemberian BR1M sebagai bahan politik.

"Rakyat tidak boleh terima tuduhan Dr. Mahathir bahawa pemberian BR1M adalah rasuah. Sebagai rakyat Malaysia, saya juga cukup terkilan," katanya.